



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KURSUS PELUASAN ROAD ACCIDENT MANAGEMENT SYSTEM (RAMS) DAN PELAPORAN DATA KEMALANGAN JALAN RAYA MENGIKUT PIAWAIAN PDRM K27 DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO) TAHUN 2026

KUCHING, SARAWAK – Yang Berhormat Dato' Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Kursus Peluasan *Road Accident Management System* (RAMS) Tahun 2026 yang merupakan inisiatif kerjasama strategik antara Kementerian Kerja Raya (KKR) dan *World Health Organization* (WHO).

2. Kursus ini telah menghimpunkan pegawai-pegawai teknikal daripada Kementerian Kerja Raya (KKR), Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sarawak, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta wakil *World Health Organization* (WHO). Penganjuran kursus ini merupakan komitmen berterusan KKR dalam memperkukuh kapasiti dan kompetensi pegawai teknikal dalam pengurusan data kemalangan jalan raya secara lebih sistematik, bersepadu dan berasaskan bukti.

3. *Road Accident Management System* (RAMS) merupakan sistem yang dibangunkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi mengurus, menganalisis dan memaparkan data kemalangan jalan raya serta mengenal pasti kawasan kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) melalui integrasi data kemalangan daripada *Integrated Police Reporting System* (i-PRS), di bawah seliaan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pengintegrasian fungsi RAMS, KKR dengan aplikasi myJalan membolehkan pengurusan aset jalan yang lebih cekap melalui perkongsian data secara bersepadu, sekali gus meningkatkan kecekapan pemantauan, penyelenggaraan dan penyampaian maklumat kepada pengguna.

4. Dalam ucapan perasmian penutupan, YB Menteri Kerja Raya menegaskan bahawa penggunaan data yang tepat dan berkualiti merupakan asas kepada perancangan infrastruktur jalan raya yang lebih selamat. Melalui RAMS, KKR dapat mengenal pasti lokasi yang kerap berlaku kemalangan, atau dikenali sebagai *blackspot* berdasarkan kepada kriteria iaitu 3 kemalangan sama jenis atau 5 kemalangan dari pelbagai jenis dalam tempoh 3 tahun dalam lingkungan 50m radius atau 100m panjang jalan. Lokasi *blackspot* ini akan dirawat menggunakan peruntukan di bawah Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya.

5. Menerusi Program ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk menambah baik keselamatan di lokasi kerap berlaku kemalangan (*blackspot*). Bagi tahun 2026, sebanyak RM80 juta telah diperuntukkan untuk Jalan Persekutuan, merangkumi rawatan di 99 kawasan yang sering berlaku kemalangan, pemasangan lampu jalan baharu di 334 di Kawasan kemalangan atau berisiko kemalangan akibat jalan gelap, pemasangan 14 lampu isyarat di persimpangan berlaku kemalangan, serta pembinaan 19 lintasan pejalan kaki searas berlampu isyarat (LPKSI).

6. Antara kerjasama strategik KKR dan WHO adalah dalam pembinaan Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) melalui penambahbaikan reka bentuk piawai JKR dengan penerapan elemen reka bentuk antarabangsa serta penilaian keberkesanan program secara berterusan. Kerjasama ini turut merangkumi pemerkasaan pengurusan data kemalangan melalui *Road Accident Management System* (RAMS) bersama PDRM, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), JKR, dan agensi berkaitan, serta pelaksanaan kempen kesedaran awam bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan keselamatan jalan raya.

7. KKR kekal komited untuk terus memperkukuh kerjasama strategik bersama WHO, PDRM dan KPKT dalam mempertingkatkan tahap keselamatan jalan raya di negara ini. Kerjasama ini menjadi antara inisiatif penting kerajaan dalam memperkukuh keselamatan jalan raya secara berterusan melalui penyediaan infrastruktur yang lebih berkualiti, selamat dan mampan demi kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI.



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KERJA RAYA

14 OGOS 2026

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#TangkasBertindak

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja

U n i t K o m u n i k a s i K o r p o r a t | K e m e n t e r i a n K e r j a R a y a

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X d K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A M A L A Y S I A